

20/10/2003

Pemimpin muda jangan terlalu ghairah

Faizal Fadzil

APABILA membaca saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pemimpin veteran berundur bagi memberi laluan kepada pemimpin muda, saya berasa amat yakin bahawa ramai pemimpin muda yang `berbunga-bunga hati mereka'.

Sudah pasti ramai yang berasakan permintaan Dr Mahathir itu membuka ruang yang luas kepada pemimpin muda seperti mereka untuk mewarisi kepemimpinan negara dan negeri pada pelbagai peringkat.

Apatah lagi apabila saranan Dr Mahathir dialu-alukan oleh bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan menyatakan bahawa ada pemimpin baru dari kalangan generasi muda yang akan dipilih bagi berganding bahu dengan pemimpin sedia ada bagi membantu kepemimpinan beliau.

Sudah barang tentu ramai pemimpin muda daripada Pergerakan Pemuda dan Puteri Umno sendiri yang sudah bersiap untuk menerima tanggungjawab yang bakal diserahkan itu. (Meskipun Abdullah tidak menyebut dengan jelas bahawa pemimpin muda yang dimaksudkan itu datangnya daripada kalangan pergerakan itu atau tidak).

Namun, biar pun apa juga kenyataan yang dilahirkan daripada mulut pemimpin utama negara, perkara itu wajar diserahkan bulat-bulat kepada pertimbangan dan kebijaksanaannya.

Tugas dan tanggungjawab pemimpin muda pada ketika ini ialah mempersiapkan diri daripada segi ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, kematapan peribadi dan akhlak, perhubungan awam (PR) dengan pengundi dan rakyat, kematangan memimpin, keupayaan berhujah khususnya dengan pembangkang dan senyuman manis yang berupaya menawan minda dan hati rakyat.

Sepanjang pengalaman penulis sebagai wartawan di akhbar ini, ramai pemimpin yang dilihat tidak benar-benar bersedia untuk menjadi pemimpin hatta di peringkat menteri Kabinet sekalipun.

Banyak kali dalam sidang media wartawan tempatan di KL mahupun di negeri, pemimpin terkapai-kepali untuk menjawab soalan yang jelas mengenai aktiviti terkandung dalam bidang pentadbiran mereka.

Ada pemimpin yang seolah-olah takut berhadapan dengan media dan tidak kurang juga yang "terpusing-pusing" mencari pembantu mereka untuk menjawab soalan yang mudah dan sepatutnya tidak memerlukan rujukan.

Pemimpin muda harus belajar daripada kecekapan beberapa pemimpin negara khususnya Dr Mahathir, Abdullah dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang bukan saja mampu menjawab pertanyaan wartawan tempatan, malah berupaya meyakinkan wartawan asing dengan hujah balas mereka.

Rafidah, misalnya, banyak kali menerima tepukan wartawan asing setiap kali mewakili rakan dalam Asean untuk menjawab soalan mereka yang memang sentiasa menyediakan "soalan-soalan memerangkap" untuk menyerang kepemimpinan Malaysia dan Asean.

Malaysia sebagai sebuah negara yang kini menjadi pemain utama dalam arena antarabangsa khususnya sebagai Pengerusi Pertubuhan Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memerlukan barisan kepemimpinan yang berupaya berhujah dengan pemimpin dunia lain dan meyakinkan wartawan antarabangsa dengan sebarang dasar dan tindakan Malaysia, Asean, NAM dan OIC.

Tetapi jika masih "kecundang" berhadapan dengan wartawan tempatan dan pengundi sendiri, bagaimana mahu melangkah ke arena lebih besar di pentas

sejagat?

Begitu juga pemerhatian yang dibuat ke atas pemimpin muda yang diberi peluang untuk berucap di pentas politik negara terutama di Perhimpunan Agung Umno, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri sejak awal 1990an.

Tidak ramai pemimpin muda yang boleh berhujah dengan baik apabila berhadapan dengan pendukung parti di "kampung halaman" sendiri.

Ada pemimpin muda yang apabila "diusik dan dicuit" ketika berada di pentas, hanya tunduk membaca teks yang disediakan "tanpa berani" mengangkat muka menghadapi wajah perwakilan.

Ada yang sekadar meluahkan kata-kata "retorik" tanpa sebarang kajian mendalam mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Jika begini watak pemimpin yang berhasrat mahu mewarisi kepemimpinan Negara, bagaimana mahu kita menghadapi golongan profesional dan ulama daripada pembangkang yang mahir berhujah memetik ayat-ayat suci al-Quran bagi meyakinkan rakyat terbanyak? Apatah lagi mahu berhujah dalam bahasa Inggeris bagi menangkis serangan daripada pemimpin Barat!

Justeru, saranan Dr Mahathir dan kesediaan Abdullah untuk menerima kepemimpinan baru dari kalangan generasi muda tidak harus disambut dengan riang dan gembira oleh pemimpin muda.

Sebaliknya, mereka harus lebih banyak bermuhasabah diri bagi menilai keupayaan masing-masing dan meninjau cabaran yang bakal mendatang apabila mereka dipilih untuk menjadi calon dalam pilihan raya akan datang.

Pemimpin muda harus lebih banyak melatih diri sendiri untuk melahirkan hujah-hujah yang bernas menerusi dialog dan sesi "percambahan minda" sesama sendiri bagi menangani permasalahan yang melanda negara dan negeri di samping melengkapkan diri dengan isu-isu hal ehwal semasa.

Dalam bidang politik, pemimpin generasi muda harus lebih gigih menangkis serangan pemimpin muda pembangkang di samping berupaya menyediakan hujah-hujah untuk mengkritik kesilapan dan kelemahan pembangkang bagi meraih keyakinan rakyat kepada kepemimpinan parti dan Negara.

Sebagai contoh, apabila pembangkang menganggap Dr Mahathir terlalu didewa-dewakan menjelang tarikh persaraan beliau, pemimpin muda harus bangkit dan mengkritik kepemimpinan pembangkang yang memang sejak daripada dulu mendewakan pemimpin mereka sehingga tidak ada yang berani bangkit mengkritik kepemimpinan mereka yang ditakrif sebagai "kepemimpinan ulama".

Sebenarnya, terlalu banyak persiapan yang perlu dilakukan untuk melangkah ke alam kepemimpinan. Namun, tidak dapat dinafikan pemimpin muda yang bakal dipilih boleh terus menjadikan "medan perang baru" mereka sebagai latihan sebelum diberi tanggungjawab yang lebih besar.

Tetapi jika tidak ada persiapan asas bagi medan latihan baru mereka, penulis khuatir mereka akan kecundang dan tewas dalam latihan sebelum menempuh "peperangan sebenar yang lebih besar dan mencabar".